2.2.2	Membaca	Membaca untuk memahami maklumat daripada arahan dalam pelbagai bahan dengan memberikan respons yang betul dan tepat.


Baca petikan di bawah aku kemudian lengkapkan maklumat tentang faedah-faedah e-Sukan

FAEDAH-FAEDAH MENYERTAI E-SUKAN

Sukan elektronik (e-Sukan) atau lebih dikenali sebagai e-Sport ialah sejenis sukan yang menggunakan elektronik- elektronik yang terdapat di dalam kehidupan seharian. Selain itu, pemain-pemain e-Sukan di Malaysia telah banyak menyertai pertandingan di serata dunia seperti pertandingan International 3, Dota 2 Championship yang berlangsung di Amerika Syarikat. Pasukan dari Malaysia telah mendapat tempat ke-3 dalam pertandingan tersebut dengan membawa pulang wang tunai RM1 juta. Sukan elektronik sebenarnya menjadi sumber pendapatan kepada mereka yang menceburinya

Justeru, satu badan yang memantau sukan elektronik telah melancarkan e-Sports Malaysia atau ESM yang didaftarkan atas objektif untuk menaik taraf sukan e-Sukan di Malaysia serta memastikan sukan e-Sukan terus bertapak di Malaysia dengan dasar membentuk sandard e-Sukan, melatih dan mendidik pemain membantu meningkatkan taraf permainan, mendapatkan pengiktirafan antarabangsa dan menjaga kebajikan ahli. Perkara ini sebagai langkah untuk memberikan keyakinan kepada orang ramai untuk menceburi sukan elektronik tanpa risau akan masa depan kerjaya mereka dalam arena tersebut dan membuktikan bahawa sukan elektronik merupakan suatu bidang yang berdaya saing dari sudut positif

Malaysia sememangnya perlu mencari jalan agar dapat memanfaatkan e-Sukan demi meningkatkan mutu pendidikan negara, seperti kemahiran berkomunikasi berkumpulan, perancangan strategi dan juga taktik permainan. Sukan ini sebenarnya dapat diguna pakai dalam bidang lain seperti ketenteraan, penjelajahan kawasan baharu, bahkan dalam sukan tradisional. Malah e-Sukan baik bagi pembangunan ilmu pengetahuan, teknologi dan kemahiran golongan belia.



LIVEWORKSHEETS